

G A P E N A

CITA-CITA
&
PERJUANGAN



Y
00154
HAL



-
- GAPENA : Penubuhan & Kegiatan

 - GAPENA : Peneraju — AJK

 - GAPENA : Cita-Cita & Perjuangan

 - GAPENA : Anugerah

 - GAPENA : Sambutan

 - GAPENA : Alamat Badan-badan Gabungan

 - GAPENA : The Federation of National Writers Associations of Malaysia
-

GAPENA

Gabungan Persatuan Penulis Nasional
Peti Surat 540, 46760 Petaling Jaya,
Malaysia.

KOLEKSI N. A. HALIM

PENUBUHAN DAN KEGIATAN

SEJAK Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, muncul banyak persatuan penulis di seluruh negara yang bertujuan memperjuangkan maruah bahasa, sastera dan budaya bangsa. Oleh kerana kegiatan persatuan-persatuan tersebut tidak ada penyelarasan ke arah satu matlamat bercorak kebangsaan, timbul kesedaran di kalangan pemimpin Persatuan Penulis Nasional (PENA) untuk menggabungkannya. Pada 20 September 1969, PENA telah mengaturkan satu pertemuan di Dewan Bahasa dan Pustaka, yang dihadiri oleh wakil-wakil dari 13 buah badan penulis dari seluruh Malaysia. Hasil daripada pertemuan seterusnya, iaitu pada 23 Oktober 1970, lahirlah Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) dengan anggotanya terdiri daripada 13 buah badan penulis.

GAPENA ditubuhkan dengan tujuan: Pertama, menyatupadukan penulis-penulis tanahair yang menulis dalam Bahasa Kebangsaan; Kedua, mempertahankan dan memperjuangkan hak-hak dan kepentingan-kepentingan penulis; Ketiga, memberikan sumbangan moral dan material secara positif kepada tujuan dan cita-cita Gabungan; Keempat, mengusahakan peluang-peluang untuk penulis-penulis memajukan bakat mereka; Kelima, menyatupadukan semua rakyat Malaysia menerusi bahasa rasmi yang tunggal iaitu bahasa Malaysia.

Setelah 17 tahun bergerak kini GAPENA dianggotai oleh 23 buah badan penulis dari seluruh Malaysia: Angkatan Penulis Kreatif Selangor (AKTIF), Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI), Badan Bahasa Sabah (BAHASA), Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP), Gabungan Penulis-penulis Sedar Sabah (GAPURA), Gabungan Persatuan Penulis Sarawak (GPPS), Ikatan Persuratan Melayu Melaka (IPM), Ikatan Persatuan Penulis Perak (IPPP), Lembaga Bahasa Melayu Melaka (LBM), Lembaga Pembangun Sastera Perak (LEPAS), Perkumpulan Penulis dan Peminat Bahasa Muar (PPPBM), Persatuan Bahasa dan Sastera Malaysia Sarawak (PEBAS), Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Teluk Intan (PENTAS), Persatuan Penulis Melaka (PENAMA), Persatuan Penulis Nasional (PENA), Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN), Persatuan Penulis Johor (PPJ), Persatuan Penulis Perlis (3P), Persatuan Sasterawan Terengganu (PELITA), Persatuan Penulis Negeri Pulau Pinang (2PNP), Persatuan Penulis Kelantan (PPK), Persatuan Seniman



Hamzah Hamdani



Acara perasmian Hari Sastera '87 di Dewan Mulia Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang Darul Makmur. DYMM Baginda Sultan, YAB Dato' Khalil Yaakob Menteri Besar dan Pengerusi Hari Sastera '87 YB Dr Haji Mohd Yusof Haji Mohd Ali bersama-sama ikut mengisi acara.

buah buku seperti *Kuala Lumpur: Antologi Sajak Pilihan* (1975), *Warisan Dunia Melayu: Teras Peradaban Malaysia* (1985), *Warisan Sastera Pulau Pinang* (1985) dan *Maruah Merdeka* (1987).

Kesan daripada pelbagai pertemuan sastera dan peraduan penulisan yang telah diadakan, GAPENA berjaya mewujudkan suasana erat persahabatan kaum sasterawan dan budayawan di seluruh Nusantara. Namun perjuangan GAPENA untuk membina tamadun dunia berbahasa Melayu masih jauh jalannya. Inilah cita-cita yang cuba direalisasikan oleh kepimpinan Dato' Pendeta Prof. Dr. Ismail Hussein dalam tempoh 17 tahun ini. Pada dasarnya kegiatan GAPENA tidak terkurung dalam dunia sastera semata-mata, tetapi merangkumi usaha pembinaan tamadun dunia berbahasa Melayu secara harmoni tetapi dinamik; untuk mengikis sikap rendah diri akibat penjajahan Barat ratusan tahun lamanya.

Hamzah Hamdani

PENERAJU

(AHLI JAWATANKUASA)

Ketua Satu	:	Dato' Pendeta Prof. Dr. Ismail Hussein
Ketua Dua	:	Prof. Madya Dr. Firdaus Abadullah
Setiausaha Satu	:	Drs. Yahya Hussin (Jihaty Abadi)
Setiausaha Dua	:	Hamzah Hamdani
Bendahari	:	Haji Hasan Muhd. Ali
Ahli Jawatankuasa	:	Abdul Latiff Abu Bakar Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) Baharuddin Zainal (Baha Zain) YTM Tengku Alauddin T.A. Majid Mohd. Ismail Zamzam (Zam Ismail) Abd. Ghafar Ibrahim
Ahli Jawatankuasa Penuh	:	Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Hasan Datuk Haji Abdul Rashid Ngah Anwar Ridhwan Abd. Samad Ahmad (Asmad) Adi Badiozaman Tuah K. Bali
Pemeriksa Kira-kira	:	Haji Saleh Daud Zakry Abadi



Ketua Satu dan Setiausaha Satu GAPENA berbincang sesuatu dengan Sasterawan Negara A. Samad Said AJK GAPENA 1986-88.

GAPENA CITA-CITA DAN PERJUANGAN

Hakikat yang GAPENA telah terbentuk sebagai satu-satunya gerakan nasional Malaysia yang bersatu padu meliputi kesemua 13 negeri, dan bergerak sebagai badan intelektual pula, adalah sesuatu yang cukup menakjubkan. Tidak ada gerakan pengarang atau intelektual di negara-negara bebas di Asia Afrika yang dapat menunjukkan semangat kesatuan yang begitu. Tetapi perkembangan GAPENA itu haruslah dilihat di dalam konteks nasionalisme Malaysia, di kalangan bangsa Melayu khususnya, pada dekad 70-an dan 80-an. Ini ditandai oleh keazaman dan kesatuan cita-cita di kalangan para pemimpin dan intelektualnya. Kepercayaan diri yang luar biasa, meninggalkan sifat-sifat apologia sebelumnya, telah memungkinkan pembangunan ekonomi, kemasyarakatan dan kebudayaan yang agak gagah. GAPENA termasuk ke dalam arus keghairahan itu, menggabungkan tenaga cendekiawan sastera atasan dan bawahan, bandar dan desa, dan bekerjasama dengan pemerintah dan swasta dalam pembinaan bahasa dan kebudayaan kebangsaan. Sifat "kompromi" itu jauh berbeza dengan sifat "radikal" sebelumnya, dan ini membingungkan beberapa pengarang veteran yang pernah hidup dan bergiat dalam "zaman perjuangan".

Tetapi "kompromi" itu adalah sesuatu yang natural dalam dekad 70-an. Sebelumnya antara pemimpin negara dengan budayawan seolah-olah bertentangan — cita-cita kebudayaan yang diperjuangkan dari zaman kolonial masih tetap diabaikan, jadi budayawan dan seniman harus melanjutkan tradisi "anti-establishment" yang diwarisi dari zaman pra-merdeka. Selepas tahun 1970, semasa GAPENA lahir dan membesar, pemimpin politik adalah 'orang kita' — iaitu tokoh-tokoh yang merealisasikan cita-cita masyarakat budaya, dengan terlaksananya dasar-dasar bahasa kebangsaan, pelajaran kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan. Golongan swasta yang dulunya melihat kegiatan bahasa Melayu itu sebagai "Kegiatan kaum", kini menganggapnya sebagai "tanggungjawab nasional" dan huluran tangan kerjasamanya tentu sahaja disambut oleh masyarakat pengarang dengan penuh rasa penghargaan.

"Kompromi" yang terikat sepanjang satu dekad itu dengan sendirinya melahirkan hasil-hasil yang nikmat. Aktivisme sastera menyemarak tanpa bandingan dengan zaman sebelumnya, dan GAPENA



Ismail Hussein

menjadi nadi pergolakan budaya bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau. Peristiwa-peristiwa sastera yang besar-besaran selalu sahaja diadakan dengan bantuan pelbagai pihak, terutama dari kerajaan negeri. Kerajaan pusat sendiri menyalurkan pelbagai bantuan serta hadiah-hadiah penghargaan yang besar, manakala ratusan ribu ringgit yang lain dari pihak swasta selalu sahaja mengalir mencari bakat-bakat yang memerlukannya. Para Pengarang hidup dalam zaman yang cukup lunak — mereka dicari hadiah, mereka tak perlu mencarinya. Beberapa pemerhati, malah beberapa seniman sendiri, yang politikal dan yang sinis, dengan sendirinya melihat gejala ini dengan kebimbangan.

Dan memang kebimbangan itu ada juga asasnya. Pergantungan seniman kepada yang berkuasa dan yang berada bukanlah sesuatu yang biasa, dan pimpinan GAPENA selalu sedar akan sifat sementara tindakannya, dan selalu rasa terikat dengan tanggungjawab intelektualnya yang lebih abadi. Tetapi ini bukanlah zaman yang ideal bagi kaum intelektual untuk hidup bebas dalam ertinya yang klasik. Di mana sahaja di Asia Tenggara, kebebasan yang klasik itu dibatasi oleh keperluan-keperluan nasional yang pelbagai rupa. Dan bagi GAPENA ada hal lain yang dipertimbangkannya — walaupun yang dikatakan, negara kita itu telah terbentuk sebagai negara yang paling demokratis dan dinamik di Asia Tenggara. Bagi cendekiawan yang nasionalistis, yang melihat jalan-jalan lain yang lebih buruk padahnya, kemungkinan yang ada di dalam tangan bagi membina perpaduan dan keagungan nasional itu tentulah ditatang dengan hati-hati. Oleh itu ada tokoh GAPENA yang berbicara tentang kebebasan yang bertanggungjawab — maksudnya gagasan kebebasan itu haruslah direalisasikan dengan penuh tanggungjawab, baik oleh yang memegang kuasa, mahupun oleh tokoh intelektual sendiri.

Untungnya dalam tempoh satu dekad yang lalu GAPENA dibanjiri oleh tanggungjawab praktis yang besar dalam masalah pembinaan bahasa dan budaya, jadi organisasi itu kerap kali dapat melupakan dilema conscience yang jelas tidak akan dapat diselesaikannya. Sepanjang tempoh satu dekad yang lalu, terlihat munculnya satu barisan yang gagah pemimpin baru, golongan kaya baru, masyarakat menengah baru, dan lebih-lebih lagi masyarakat terpelajar baru, yang semuanya menggesa dan

meluahkan harapan agar dicipta segera satu bahasa dan budaya yang tinggi. Apa lagi pihak kerajaan dan swasta selalu mencurahkan wang dan penghargaan yang agak besar untuk kegiatan kesenian. Jari dituding kepada kumpulan pengarang dan seniman, meminta hasil dan bukti. Tetapi pada masa yang sama kumpulan pengarang dan seniman yang inti di negara tidak pernah berkembang bilangannya, malah semakin mengecil. Ini zaman pembinaan sains dan teknologi, otak-otak muda yang berbakat dan segar semuanya disalurkan ke sana, pengajian ilmu-ilmu kemanusiaan ketandusan minat dan daya. Apa lagi kerja intelektual hampir-hampir tidak punyai harga. Di luar daripada anugerah-anugerah yang berkeliaran yang simbolis sifatnya, para pekerja intelektual sebenarnya tidak punyai kedudukan sosial yang hakiki, dan tidak diberi ganjaran yang seimbang dengan fungsinya. Seorang teman yang amat sinis mensifatkan pekerja intelektual budaya di Malaysia itu sebagai "pariah" dan "hamba" — otaknya diperah sebanyak mungkin secara percuma, manakala kewujudannya disingkirkan. Kesan itu tentulah keterlaluan. Tetapi bagaimanapun di dalam suasana yang rata-ratanya pesimis dan lesu itu GAPENA telah dapat mengimbangkan dengan satu aktivisme yang gigih, pelbagai acara dan peristiwa yang kerap kali dilakukannya dengan sokongan media yang luas, memberikan rasa kehadiran dan kesinambungan hidup kepada masyarakat sastera — memberikan kesan yang seolah-olah sastera di Malaysia itu tetap berkembang dengan dinamik. Dan memang aktivisme GAPENA itu dari pelbagai segi cukup berjaya. Minat masyarakat umum dan juga para pemimpin terhadap bahasa dan budaya dapat dipertahankan, dan hadiah-hadiah sastera yang banyak ditaja melalui GAPENA itu telah menimbulkan bakat-bakat baru, yang harapnya akan dapat diperkembangkan. Perihal tetap tidak timbulnya gergasi-gergasi seni yang baru, bukanlah lantaran tiadanya ikhtiar, tetapi kerana kurangnya bakat dan minat yang asasi. Bagi saya sendiri segala macam kegiatan sastera itu lebih banyak untuk bermain dengan masa, sementara menanti timbulnya satu generasi masyarakat terpelajar dan kalangan atasan Malaysia masuk ikut bergiat dalam persuratan. Dunia sastera Melayu baru selama ini yang non-elitis sifatnya, tak dapat tiada harus dilengkapi dengan penyertaan dari kalangan elit ilmuan dan cendekiawan yang terdidik tinggi dan

punyai kemampuan sosial dan intelektual luas. Bagaimana hendak melahirkan itu adalah satu persoalan lain yang maha besar, tetapi tanpa lahirnya satu generasi seperti itu, kebudayaan dan tamadun berbahasa Melayu di Malaysia tetap tidak banyak ertinya, dan istilah Bahasa Kebangsaan di dalam Perlembagaan kita akan menjadi satu momokan.

Demikianlah obsesi Gapena pada tahun-tahun terakhir terhadap pembinaan tamadun berbahasa Melayu, dan ini ditambah pula dengan masalah filsafat tamadun itu, dalam hubungan dengan Islam terutamanya. Tetapi masalah-masalah terperinci tentang isi dan erti tamadun, apa lagi masalah corak filsafatnya, bukanlah hal-hal yang dapat diuruskan oleh sebuah jawatankuasa persatuan. Sekali lagi GAPENA hanya dapat merangkakan wadah dan infrastruktur, menyediakan pelbagai kemudahan — dan salah satu wadah yang telah dapat disediakan ialah kerjasama dari para intelektual berbahasa Melayu serantau. GAPENA sendiri telah lama yakin yang tamadun berbahasa Melayu yang diperlukan di negara kita itu tidak termampu dibentuk sendiri oleh hanya tiga belas juta warganegara Malaysia. Bakat dan kemungkinan terlalu terbatas untuk membina satu persuratan yang akan dapat memuaskan selera satu masyarakat moden. Dalam tempoh lima tahun yang lampau GAPENA mengambil tindakan yang agresif untuk mengintegrasikan diri dengan cendekiawan negara-negara berbahasa Melayu di sekitar — dengan Indonesia terutamanya, iaitu negara pengguna dan pencipta bahasa Melayu yang terbesar sekarang. Hubungan yang mesra yang telah terjalin kini adalah bukti lantang akan berjayanya tindakan itu, dan ini melengkapi apa yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan sendiri, melalui Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia. Ini juga menjelaskan kehadiran ratusan tokoh-tokoh cendekiawan berbahasa Melayu dari negara-negara serantau pada Hari Sastera.

Ismail Hussein

ANUGERAH

Kepada para budayawan di negara ini yang dengan cinta setia dan jerih payahnya telah memelihara darjat serta mengabdikan dirinya kepada tradisi dan kebudayaan bangsa di tengah-tengah arus sejarah dan perubahan zamannya, GAPENA sebagai institusi pengarang-pengarang Malaysia merakamkan setinggi penghargaan dan dengan penuh kesedaran lagi tulus menganugerahkan **Anugerah-anugerah** yang berikut:

BUDAYAWAN GAPENA:

Budayawan Haji Abdul Samad Ahmad (1978)
Budayawan Haji Mohd. Yusof Harun (1978)
Budayawan Haji Zakaria Hitam (1978)
Budayawan Tan Sri Abdul Samad Idris (1980)

PENYAIR GAPENA

Dr. Kassim Ahmad (1987)



Saudara Dr Kassim Ahmad sedang menyambut Anugerah Penyair GAPENA '87 dari Ketua Satu GAPENA Dato' Pendeta Prof. Ismail Hussein.

SAMBUTAN

GAPENA telah berbuat banyak bagi pengembagangan penulisan di Malaysia. Bahkan pengaruhnya merebak sampai ke negara-negara jiran termasuk Indonesia. Saya ingin mengucapkan syabas di atas kejayaan yang dicapai oleh Gapena selama ini.

Teuku Alibasjah Talsya
Sekretaris
Lembaga Adat dan
Kebudayaan Aceh.

PELITA sebagai sebuah badan gabungan Gapena menerima banyak idea daripada Gapena. Kami sering berbincang untuk kemajuan dunia penulisan tanahair. Selain daripada itu saya berpendapat, Gapena adalah lambang perpaduan keseluruhan penulis di tanahair kita. Setakat ini saya berpuas hati dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan.

Sharif Putera
Setiausaha Satu Pelita,
Terengganu.

Saya merasakan ada beberapa kegiatan sastera-budaya yang tinggi nilainya seperti Anugerah Sastera Negara memerlukan penglibatan Gapena sendiri. Dengan adanya penglibatan seperti itu, Gapena sebagai badan induk yang bertaraf nasional, sekurang-kurangnya, boleh memberikan pendapat dan pandangan-pandangan yang konstruktif dalam masalah-masalah yang berkaitan dengan sastera.

Sahlan Mohd. Saman
Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan
Malaysia.

GAPENA mempunyai ahli-ahli yang berwibawa. Apa yang Gapena patut lakukan ialah mengenalpasti ahli-ahlinya dan menubuhkan satu pasukan pemikir bagi memikir dan memahami isu-isu yang ditimbulkan dari masa ke masa demi kepentingan 'survival' bangsa Melayu.

Dr. Othman Mohd. Yatim
Muzium Negara Malaysia
Kuala Lumpur.

ALAMAT PERHUBUNGAN

BADAN-BADAN GABUNGAN GAPENA

AKTIF

Setiausaha Satu Zakry Abadi
No. 9, Jalan Kepah,
55100 KUALA LUMPUR.

Setiausaha Satu Salehuddin Hj. Muhammad
416, Kg. Pasir Baru, Petaling,
58200 KUALA LUMPUR.

ASASI

Ketua Satu Prof. Madya Dr. Mohd. Yusof Hasan
49, Taman Jitra, 06000 JITRA.

Setiausaha Satu (Pemangku) Puzi Hadi,
Klinik Dada
Hospital Besar
05100 ALOR SETAR.

BAHASA

Ketua Satu Ismail Abbas
Dewan Bahasa dan Pustaka (Sabah), Beg
Berkunci 149, 88999 KOTA KINABALU.

Setiausaha Satu Ismaily Bungsu
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
Wisma Sabah, 88570 KOTA KINABALU.

DPMP

Ketua Satu Tengku Alauddin T.A. Majid
2832/9, Jalan Pegawai Off Jalan U Thant,
55000 KUALA LUMPUR.

Setiausaha Satu Subari Ahmad (Arisel BA)
Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri
Pahang Darul Makmur, Tingkat 5, Wisma
Persekutuan, 25000 KUANTAN.

GAPURA

Ketua Satu Abd. Hamid Awang

Setiausaha Satu Surya Irawan
Peti Surat 139, KOTA KINABALU.

GPPS

Ketua Satu Adi Badiozaman Tuah
Pejabat Pendidikan,
Bahagian Sri Aman,
95000 BANDAR SRI AMAN.

Setiausaha Satu Saiee Driss
Peti Surat 2655, 93752 KUCHING.

IPM

Ketua Satu Abd. Samad Ahmad (Asmad)
8530, Jalan Baru, Permatang Pasir, Alai,
75460 MELAKA.

Setiausaha Satu Haji Haron Haji Kidam
C-4819, Taman Anggerik, Klebang Kecil,
75200 MELAKA.

IPPP

Ketua Satu Drs. Abd. Manaf Haji Abd. Malik
No. 10 (s/d), Taman Slim Jaya,
35800 SLIM RIVER.

Setiausaha Satu Roslan Jamil
14, Jalan Tembusu, Taman Melayu Raya,
31900 KAMPAR.

LEPAS

Ketua Satu Azidin Mahmud
Sekolah Menengah Clifford,
33000 KUALA KANGSAR.

Setiausaha Satu Mohd. Nordin Haji Mohd. Nasir
Sekolah Menengah Raja Muda Musa,
33000 KUALA KANGSAR.

LBM

Ketua Satu Abd. Latiff Abu Bakar
Jabatan Penulisan,
Universiti Malaya,
59100 KUALA LUMPUR.

Setiausaha Satu Haji Mohd. Dali Hj. Alias
C5599 Jalan Datuk Palembang,
Bukit Baru,
75150 MELAKA.

PEBAS

Ketua Satu Abdillah Adam
Jabatan Pendidikan, KUCHING.

Setiausaha Satu Abdul Rahman Sotol
Jabatan Pendidikan, KUCHING.

PELITA

Ketua Satu Y.B. Datuk Haji Abd. Rashid Ngah
A-1194, Lorong Haji Mat Ali, Seberang
Takir, 21300 KUALA TRENGGANU.

Setiausaha Satu Sharif Putera
Peti Surat 77, 20700 KUALA TRENGGANU

PEN

Ketua Satu Ismail Abdul Hadi
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan,
70604 SEREMBAN.

Setiausaha Satu Haji Salim Taib
59, Taman Paroi Jaya, 70400 SEREMBAN.

PENA

- Ketua Satu Yahaya Ismail
Dinamika Kreatif
No. 3B-2, Bangunan UDA
Jalan Pantai
59200 KUALA LUMPUR.
- Setiausaha Satu Abd. Ghani Abdullah
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Peti Surat 10803, 50926 KUALA LUMPUR.

PENAMA

- Ketua Satu Othman Muhamad
Pejabat Ketua Menteri, 75502 MELAKA.
- Setiausaha Satu Fakir Mohamad
Pejabat Daerah Melaka Tengah, Jalan
Hang Tuah, 75300 MELAKA.

PENTAS

- Ketua Satu Osman Abu Bakar
36800 KAMPUNG GAJAH.
- Setiausaha Satu Abu Bakar Al-Siddek
3270, Jalan Sungai Nibong,
36000 TELUK INTAN.

PERWILA

- Ketua Satu Mohamed Omar Bledram
Peti Surat 182, 87008 LABUAN.
- Setiausaha Satu Othman Mahali
Sekolah Menengah Kebangsaan Membedai,
Peti Surat 353, 81008 LABUAN.

PPJ

- Ketua Satu Mohd. Ropi Jais
Jabatan Pendidikan
Daerah Johor Bahru,
80604 JOHOR BAHRU.
- Setiausaha Satu Haji Mas'ud Abd. Rahman
41, Jalan Kenari, Larkin Jaya,
80350 JOHOR BAHRU.

PPPBM

- Ketua Satu
(Pemangku) Ahmad Wagiman
Sekolah Menengah Yong Peng
83700 YONG PENG.
- Setiausaha Satu Abd. Manaf Semo
198-6 (1), Komplek Mara, Jalan Abdullah,
84000 MUAR.

PPK

- Ketua Satu Hajah Zanariah Wan Abd. Rahman
4115, Jalan Sultan Yahya Petra,
15150 KOTA BHARU.

Setiausaha Satu M. Husdaini Mamat
Perumahan Tanjung Chat,
16100 KOTA BHARU.

PPP

Ketua Satu Rejab Ismail (Rejab F.I.)
KM3, Tanjung Gorah, Repoh,
01000 KANGAR.

Setiausaha Satu Zulkifli Man
Pejabat RIMV, 01000 KANGAR.

PUSPA

Ketua Satu Wan Jaafar Ahmad
d/a Pustaka Nilam, Bangunan Dewan
Bandaran, 17510 TANAH MERAH.

Setiausaha Satu Mat Daud Molly
Pejabat Belia dan Sukan,
16800 PASIR PUTEH.

2PNP

Ketua Satu Anuar Ahmad
57, Jalan Meranti, Taman Bersatu,
09000 KULIM.

Setiausaha Satu Ahmad Mat Isa
21, Lintang Pekaka Tiga, Taman Pekaka,
Sungai Dua, 11700 PULAU PINANG.



Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamed tetamu utama majlis Bersama Dengan Pengarang anjuran GAPENA sedang menerima cenderamata sebuah lukisan karya Ibrahim Hussein dari pelukisnya.

GAPENA

THE FEDERATION OF NATIONAL WRITERS
ASSOCIATIONS OF MALAYSIA.


GAPENA which is a Federation of 23 Bahasa Malaysia literary associations from all 13 states of Malaysia was established on October 23, 1970. Besides striving to bring together the country's writers, who produce literary works in the National Language, and to defend and champion their rights and interests, GAPENA, which is actively committed to literary and cultural involvements, endeavours to create a dynamic environment for literature to grow, especially in Malaysia and also in the Malay Archipelago. GAPENA is equally committed to building up the civilisation of the Malay speaking world, through dynamic but harmonious means, so as to erase this attitude of belittling oneself, which is the consequence of long years of Western imperialistic domination. Its address is: P.O. Box 540, 46760 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

BUAH
DI DAHAN
KEGIATAN

SAYEMBARA

ESSO-GAPENA
Malaysian Short Stories

A Book
To Know
Malaysia
Better.



DEWAN BAHASA
DAN PUSTAKA

Lambang Buku Bermutu
The Symbol of Quality Books